

Pemilik premis perlu perbaharui lesen

SINAR HARIAN 11 NOV 2017

KUANTAN - Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) mengingatkan 16,104 pemegang lesen premis, iklan dan penjaja perniagaan supaya memperbaharui lesen mereka bagi mengelak dikenakan tindakan.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK, Izad Zainal Muhammad Safian berkata, pembaharuan lesen perniagaan 2018 sudah bermula pada 1 November lalu.

Menurutnya, kaunter bayaran kini dibuka setiap hari di ibu pejabat MPK, di sini dan Bahagian

Perlesenan dan Pasar Borong Kemunting dari jam 8 pagi hingga 4.30 petang.

"Kaunter MPK di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pahang pula dibuka setiap hari kecuali cuti umum dari jam 8.30 pagi hingga 9.30 malam.

"Dengan kemudahan kaunter yang disediakan, kita percaya pemegang lesen dapat menjelaskan bayaran sebelum 31 Disember depan," katanya.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Bahagian Perlesenan di talian 09-5121571.